

PELAJARAN 1 : ISLAM CARA HIDUP

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

wahyu	Akal	ihsan	zakat	penyerahan
Ad-din	Jibril	iman	haji	puasa

- _____ manusia terbatas untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara.
- Islam dari segi bahasa bermaksud sejahtera, selamat dan _____
- Hubungan baik antara manusia dapat dijelmakan apabila orang Islam memiliki sifat _____ dalam kehidupannya.
- Beriman kepada para nabi dan rasul ialah yakin bahawa mereka adalah lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan _____.
- Ibadah _____ bermaksud mengeluarkan harta tertentu pada kadar tertentu dengan syarat-syarat tertentu.
- Malaikat _____ mendatangi Rasulullah SAW untuk mengajar tentang Islam.
- Islam sebagai _____ ialah Islam adalah cara hidup yang lengkap dan diredai Allah SWT.
- Ibadat yang dilakukan sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan ialah _____
- Ia merupakan asas pegangan orang Islam terhadap kewujudan Allah SWT dan perkara-perkara ghaib yang lain iaitu Rukun _____.
- Ibadah dengan cara menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkannya dari terbit fajar sehingga terbenam matahari berserta niat ialah _____.

Padankan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

Iman	Qadar	Qadak	Salafussoleh	Ihsan	Ad-din
------	-------	-------	--------------	-------	--------

- Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.
- Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadat dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.
- Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT. semasa hidupnya.
- Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun pertama hingga kurun ketiga Hijrah.
- Sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah SWT yang akan berlaku kepada makhluk-Nya.
- Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala suruhan Allah SWT.

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Kalimah syadah	Kalimah syahadah	Solat	Puasa
----------------	------------------	-------	-------

Amalan	Penerangan
	Penyaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah SWT dan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah utusan Allah SWT.
	Ibadah yang mengandungi perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratulihram dan disudahi dengan salam.

Padankan situasi berikut dengan istilah yang sesuai.

	Situasi	Istilah
1.	Ali takut melakukan maksiat kerana yakin Allah SWT Maha Melihat.	IHSAN
2.	Ahmad seorang usahawan berjaya yang tidak mengabaikan pembayaran zakat.	IMAN
3.	Salmah konsisten berbuat baik dan menyeru kawan-kawannya berbuat kebaikan kerana percaya dan yakin akan balasan baik di akhirat nanti.	ISLAM

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul. Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

1.	Rukun Islam adalah asas ketaatan seseorang kepada ajaran Islam.	
2.	Iman merupakan syarat amalan seseorang itu diterima oleh Allah SWT.	
3.	Islam ialah agama yang melibatkan hubungan manusia dengan Allah, bukan dengan sesama manusia dan alam	
4.	Ihsan melahirkan manusia yang merasakan Allah SWT mengawasi dan melihat segala gerak geri.	
5.	Percaya bahawa alam ini akan musnah dan manusia akan dibangkitkan semula untuk dihisab amalannya adalah rukun Islam yang kelima.	
6.	Beriman kepada Qadak dan Qadar bermaksud manusia tidak perlu berusaha kerana semua perkara telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali.	
7.	Menjauhi perbuatan buruk seperti mengumpat kerana percaya Allah Maha Mendengar merupakan contoh penghayatan nilai ihsan dalam kehidupan.	
8.	Salafusoleh merujuk kepada pengikut nabi-nabi terdahulu sebelum Nabi Muhammad SAW.	